



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PELUNCURAN INISIATIF  
PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA  
SEBAGAI PENGGERAK  
KOMUNITI PROGRESIF**

**14 MEI 2024 (SELASA)  
11.00 PAGI**

**DEWAN SRI JUGRA, BANTING,  
KUALA LANGAT, SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini kita berkumpul bersama di sini bagi **Majlis Peluncuran Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif** yang akan menjadi sejarah penting kepada komuniti **Rukun Tetangga (RT)**.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**, semua pemimpin Kawasan Rukun Tetangga dan rakan strategik perpaduan yang telah bekerjasama sejak tahun lalu bagi menjayakan inisiatif ini.
3. Sehingga kini, terdapat sebanyak **8,438 Rukun Tetangga** di seluruh Malaysia. Pencapaian dan kejayaan RT dapat dilihat bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah RT telah mengorak langkah lebih jauh ke hadapan terutamanya dalam aspek pembangunan komuniti.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

## **EVOLUSI RUKUN TETANGGA**

4. Susulan peristiwa hitam iaitu inisiden 13 Mei 1969, **Rukun Tetangga telah ditubuhkan oleh Tun Abdul Razak pada 29 Ogos 1975** untuk menjamin keselamatan penduduk setempat. **Penubuhan RT yang pertama pada tahun 1975 ialah Kampung Kasipillay di Kuala Lumpur.** Sejak penubuhan RT pada tahun 1975, peranannya sebagai pemacu agenda perpaduan dan keselamatan dalam komuniti telah terbukti memberi impak yang signifikan kepada negara.
5. Pada tahun **1983, kerajaan telah memperkenalkan konsep kejiranan untuk menjadikan RT sebagai tapak integrasi** kepada kehidupan bermasyarakat khususnya di kawasan-kawasan bandar dan perumahan.
6. Seterusnya pada tahun **2000, konsep pembangunan komuniti telah diterapkan dalam RT yang memberi fokus kepada pembelajaran sepanjang hayat dan mendayaupayakan komuniti** untuk mendepani perubahan-perubahan sosial yang berlaku.

7. Justeru, pada tahun **2021**, Kementerian telah menyediakan gerak kerja Rukun Tetangga yang lebih jelas, komprehensif dan inklusif dengan **memfokuskan peranan RT kepada empat (4) gerak kerja iaitu Gerak Kerja KRT Sejahtera, Gerak Kerja KRT Selamat, Gerak Kerja KRT Sihat dan Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah.**
8. Permintaan berterusan daripada masyarakat untuk menubuhkan RT dalam kawasan kejiranan masing-masing merupakan antara petunjuk bahawa RT merupakan organisasi sukarela yang dinamik, berdaya maju dan sistematik dalam negara ini. Di **mana pada tahun 2023 sahaja, sebanyak 93 RT telah ditubuhkan.**
9. **Peranan Pengerusi serta AJK RT dalam meningkatkan semangat kejiranan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat adalah merupakan asas binaan yang paling utama** di peringkat komuniti dalam pembentukan ekosistem perpaduan demi pengukuhan keharmonian negara.
10. Suka saya umpamakan AJK RT ini sebagai **“perwira tanpa nama”** kerana tugas dan pengorbanan AJK RT mungkin tidak disebar luas, namun sebenarnya mereka adalah pejuang yang penuh dengan coretan pahit getir berkorban keringat, masa dan tenaga demi kesejahteraan masyarakat.

11. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan AJK RT yang komited, setia, gigih dan tabah dalam menabur bakti demi menjaga keharmonian masyarakat dan negara tercinta ini.

### **Hadirin yang dikasihi sekalian**

### **PENCAPAIAN RUKUN TETANGGA**

12. Pencapaian RT khususnya dalam pelaksanaan aktiviti yang berimpak tinggi kepada komuniti telah dilaksanakan melalui **projek ekonomi dan sara hidup, pengukuhan keterjaminan makanan melalui pelaksanaan projek kebun komuniti dan penyediaan produk makanan**. Selain itu RT juga turut memberi keutamaan kepada pelaksanaan program kesihatan, pendidikan serta pengurusan dan bantuan bencana di kawasan komuniti masing-masing.

Sehingga kini, terdapat sebanyak **292** RT telah melaksanakan aktiviti ekonomi yang merangkumi projek pertanian (kebuniti), penghasilan produk makanan, minuman, kesihatan, kraftangan, perkhidmatan katering, dan **Community Based Tourism (CBT)**. Peningkatan penjanaan pendapatan dan sara diri kepada komuniti setempat ini bagi saya adalah tanda kita dapat berganding

bahu dengan agensi-agensi lain bagi memastikan ekonomi dan sara hidup komuniti dapat dipertingkatkan.

13. Untuk makluman semua pada tahun 2023, sebanyak **7,761 RT** telah menerima peruntukan geran dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 46,566,000.00**. Geran ini telah dimanfaatkan oleh RT-RT untuk melaksanakan hampir **80,000 aktiviti** di peringkat komuniti masing-masing. Antara program-program yang dijalankan oleh KRT dengan menggunakan geran adalah seperti:

- **Jiranku Keluargaku**
- **Rondaan Keselamatan oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS),**
- **Sambutan perayaan uniti**
- **Gerak Rahmah** (Jom Sihat, Jom Kacau Bubur Lambuk, Jom Ronda SRS, Jom Bersih dan Indah dan Jom Gerak Muhibah melalui pelaksanaan program secara serentak)
- **Bakul Rahmah/RT Cares**
- **Gerak Kerja Pasca Banjir,**
- **Dapur Komuniti**
- **Ziarah Perpaduan**

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

## **RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGERAK KOMUNITI POGRESIF**

14. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif memperkasakan kemimpinan komuniti dengan membangunkan **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 – 2030.**
15. Tahun ini, fokus utama Kementerian dan JPNIN ialah untuk menggerakkan **inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.** Bagi tujuan tersebut, Kerajaan melalui **Belanjawan 2024** telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada Kementerian.
16. Inisiatif ini turut mendukung aspirasi **Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12** iaitu “Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam pengajuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi”.

17. Terdapat sekurang-kurangnya **116 buah RT** di seluruh negara telah pun dikenal pasti untuk dijadikan **Model RT Progresif**. RT Progresif ini dijangkakan akan memacu kecemerlangan dalam khidmat komuniti dan kerja kemasyarakatan melalui **lapan (8) bidang tumpuan** yang merangkumi:

- i. **Ekonomi dan Sara Hidup;**
- ii. **Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;**
- iii. **Kepimpinan;**
- iv. **Kesejahteraan Komuniti;**
- v. **Pembelajaran Sepanjang Hayat;**
- vi. **Alam Sekitar;**
- vii. **Warisan dan Budaya; dan**
- viii. **Daya Cipta.**

18. Beberapa **RT** yang telah dicadangkan sebagai **KRT progresif** yang telah melaksanakan pelbagai projek ekonomi adalah seperti berikut:

- i. **RT Kampung Gunung, Hulu Terengganu, Terengganu;**
- ii. **KRT Telaga Batin, Terengganu;**
- iii. **KRT Taman Seri Sedili, Klang, Selangor;**
- iv. **KRT Bandar Rinching, Hulu Langat, Selangor; dan**
- v. **KRT Taman Intan 2, Kluang, Johor dan KRT Seri Perlis 2, Kuala Lumpur.**

19. Bagi menggalas hala tuju RT Progresif tersebut, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Rukun Tetangga RT Progresif yang dipilih untuk berusaha melaksanakan dan menjayakan **5 Gerak Kerja RT Progresif** iaitu:

- i. **memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT** bagi meningkatkan pendapatan isi rumah dan membantu menangani masalah kos sara hidup yang meningkat;
- ii. **mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif;**
- iii. **memperkuuhkan kepimpinan Rukun Tetangga** sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung dalam program di peringkat komuniti;
- iv. **meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti** melalui pembelajaran sepanjang hayat, melestarikan alam sekitar dan membudayakan inovasi; dan
- v. **memelihara warisan dan budaya** sebagai tapak integrasi dalam komuniti.

Hadirin yang dikasih sekalian,

### **AGIHAN PERUNTUKAN RT PROGRESIF**

20. Agihan peruntukan dalam bidang Ekonomi dan Sara Hidup serta bidang Keselamatan dan Ketahanan Komuniti yang melibatkan Anggaran Agihan Peruntukan berjumlah **RM 11,073,309.00**.

#### ***Bidang Ekonomi dan Sara Hidup***

21. Kementerian menumpukan keutamaan kepada bidang ekonomi dan sara hidup khususnya dalam gerak kerja bagi memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT. **Pelaksanaannya dilihat berupaya meningkatkan produktiviti RT melalui peningkatan pendapatan isi rumah dan membantu menangani kos sara hidup yang meningkat.**
22. Peruntukan juga turut diberikan bagi pelaksanaan **pembuatan produk akhir dari hasil pertanian** berkenaan misalnya seperti **penanaman cili dan seterusnya kepada pembuatan sos cili untuk dijual dan dipasarkan.**

23. Pelaksanaan projek-projek ini dapat mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar di mana kaedah tanaman yang akan digunakan adalah atas nasihat teknikal daripada **Jabatan Pertanian sama ada melalui kaedah Fertigasi, Batas Tanaman atau kaedah tanaman yang lain.**

### ***Bidang Keselamatan dan Ketahanan Komuniti***

24. Yang kedua, sebanyak **RM 992,590.00** diperuntukkan bagi memastikan keselamatan dan ketahanan komuniti terus dipertingkatkan. Antaranya adalah bagi **pembekalan dan penggantian fasiliti keselamatan SRS dengan anggaran peruntukan sebanyak 713,890.00** yang akan memberi manfaat kepada 106 buah Kawasan RT.

25. Manakala sebanyak 101 buah Kawasan RT pula akan menerima manfaat pembekalan 3 buah set Walkie Talkie berjumlah **RM 278,700.00** bagi tujuan kemudahan komunikasi dan penyaluran maklumat keselamatan semasa rondaan SRS dijalankan.

26. Selaras hasrat Kementerian untuk melihat kawasan komuniti lebih aman dan selamat, sebanyak **RM 1,945,620.00** telah diperuntukkan bagi pembekalan 58 buah kabin SRS baru dan pemberian kabin sedia ada di 12 kawasan SRS.

27. Menjadi harapan saya, semoga dengan adanya bantuan dan pemberian kemudahan-kemudahan tersebut, rondaan SRS sedia ada dalam kawasan komuniti RT yang berkenaan akan lebih aktif dan akhirnya dapat meningkatkan rasa aman dan selamat dalam kalangan masyarakat setempat.

***Bidang Pembelajaran Sepanjang Hayat (Latihan/ Kursus/ Seminar)***

28. Bagi melahirkan kepimpinan Rukun Tetangga yang progresif, **pembangunan keupayaan dan latihan telah dirangka pelaksanaannya di setiap peringkat pelaksanaan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM 2,612,800.00.**

29. Antara jenis latihan dan pembangunan keupayaan dalam skop ekonomi dan sara hidup yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. **Kebun Komuniti** –Kursus Teknologi dan Teknik Pertanian serta Kursus Pengurusan Ternakan Ikan Air Tawar;
- ii. **Pembangunan Produk** –Kursus Pembangunan Produk Makanan dan Kursus Keusahawanan; dan

iii. **Latihan Kemahiran Keusahawanan** – Kursus Pemasaran dan Ekonomi Digital serta Bengkel Pemerkasaan Jiran Muda dalam Ekonomi Komuniti.

30. Untuk makluman semua, sebanyak **RM 4,000,000.00** akan diperuntukkan bagi pelaksanaan **Program RT Progresif Mengikut 6 bidang RT Progresif yang lain** iaitu Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Warisan dan Budaya, Alam Sekitar dan Daya Cipta.
31. Selain itu, Kementerian dan JPNIN turut akan mengadakan **Karnival Ekonomi Komuniti RT** peringkat kebangsaan pada hujung tahun ini.
32. Sejajar dengan agenda tersebut, maka peranan KRT akan diperkasa sebagai **penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder)** penting dalam komuniti melalui peningkatan keupayaan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi komuniti progresif.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian

33. Besarlah harapan saya untuk melihat kejayaan sepenuhnya RT Progresif yang akan melaksanakan program-program berorientasikan komuniti berteraskan 8 bidang tumpuan yang berkenaan dalam skala dan capaian yang lebih meluas.
34. **Semoga Inisiatif RT Progresif akan mencapai matlamatnya selaras pencapaian cita-cita negara yang terkandung dalam Rukun Negara iaitu “Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden”.** Seterusnya menzahirkan usaha kerajaan dalam membentuk masyarakat Madani yang sentiasa bergerak ke hadapan untuk mencapai kesejahteraan, kemajuan, kemanusiaan dan ketamadunan.
35. Saya dengan penuh hormat dan sukacitanya **merasmikan Peluncuran Inisiatif Pemerksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.**

Sekian, terima kasih.